

## SENARAI NAMA MENTERI BESAR SELANGOR

### SEBELUM MERDEKA

- Datuk Hamzah Abdullah (1949)
- Raja Muda Uda Al-Haj Raja Mohamad (1949-1953, 1954-1955)
- Datuk Othman Mohamad (1953)
- Tun Abdul Aziz Abdul Majid (1955-1956)

### SELEPAS MERDEKA

- Tun Mohammad Abdul Latiff (1956-1958)
- Tan Sri Abdul Jamil Abdul Rais (1958-1959)
- Datuk Abu Bakar Baginda (1959-1964)
- Datuk Harun Idris (1964-1976)
- Datuk Hormat Rafei (1976-1982)
- Datuk Ahmad Razali Mohd Ali (1982-1986)
- Tan Sri Muhammad Muhammad Taib (1986-1997)
- Datuk Seri Abu Hassan Omar (1997-Ogos 2000)
- Dr Mohamad Khir Toyo (Ogos 2000- ?)

# Pelantikan MB baru tidak diramal

BH 19 AUG 2000

Oleh Kadir Dikoh, Minarni Mat Saad, Salina Abdullah, Magendran Rajagopal dan Fazallah Pit

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelbagai pihak terkejut dengan pelantikan Dr Mohamad Khir Toyo, 35, sebagai Menteri Besar Selangor yang baru tetapi yakin beliau berupaya memimpin negeri itu dengan baik.

Namun, di kalangan generasi muda pula, pelantikan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Sungai Panjang itu sebagai satu pengiktirafan kepada tenaga muda yang dianggap boleh menarik minat golongan terbabit ke dalam arus politik perdana.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin Dr Mohamad Khir mampu menjalankan tugasnya dengan baik.

"Jawatan ini cukup mencabar. Saya harap beliau akan menjadi seorang Menteri Besar yang berjaya.

"Saya juga yakin beliau akan mengadakan perbincangan dengan kawan-kawan dalam Umno dan parti komponen dalam Barisan Nasional (BN) untuk mengadakan pendekatan yang lebih baik," katanya selepas majlis jamuan makan malam dan Anugerah Kewartawanan Kawat Esso 2000 di sebuah hotel di Kuala Terengganu, malam ini.

“  
**Jawatan ini cukup mencabar. Saya harap beliau akan menjadi seorang Menteri Besar yang berjaya.**  
”

- Abdullah Ahmad Badawi

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata pelantikan itu adalah sejarah bagi Pemuda kerana inilah kali pertama Exco Pemuda dilantik sebagai Menteri Besar.

Sambil mengucapkan penghargaan Pemuda kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau berkata, Pemuda akan sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada Dr Mohamad Khir dalam melaksanakan tanggungjawab baru itu.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor yang baru, Tan Sri Muhammad Muhi Taib berkata, Umno Selangor menyokong penuh keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan meminta seluruh kepimpinan negeri serta rakyat memberikan sokongan dan kerjasama kepada Dr Mohamad Khir.

Katanya, persoalan bahawa Mohamad Khir adalah orang muda dan dari kalangan Pemuda Umno tidak sepatutnya timbul kerana beliau seorang yang berkelayakan dan mampu mentadbir Selangor.

"Beliau sudah memenuhi kriteria yang dimahukan

Perdana Menteri. Saya percaya dia mampu melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Saya dulu pun tiada pengalaman tetapi apabila diberi peluang saya mampu melaksanakan tugas sebagai Menteri Besar. "Saya yakin beliau juga mampu melakukan perkara yang sama asalkan kita memberinya peluang dan sokongan," katanya.

Beberapa pemimpin negeri yang dihubungi mengucapkan tahniah atas pelantikan Dr Mohamad Khir dan menyifatkannya sebagai satu sejarah kepada Selangor kerana mempunyai pemimpin muda.

Timbalan Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad, berkata kepimpinan negeri sedia ada iaitu barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) sedia bekerjasama dengan Dr Mohamad Khir dalam mentadbir kerajaan negeri bagi meneruskan agenda pembangunan negeri.

"Pemilihan ini tentunya dipertimbangkan secara teliti oleh pucuk pimpinan dan kita akur dengan setiap keputusan yang dibuat," katanya yang bersyukur penantian rakyat Selangor selama sembilan hari sudah berakhir sekali gus menamatkan spekulasi siapa yang akan dilantik

sebagai Menteri Besar.

Sambil mengucapkan tahniah atas pemilihan itu Exco kerajaan negeri, Datuk Abdul Fatah Iskandar, berkata pelantikan itu melambangkan kepimpinan tertinggi Umno mengiktiraf Pemuda sebagai pemimpin yang layak menerajui kepimpinan sebuah negeri paling maju di negara ini.

Ketua Pemuda Umno Hulu Selangor, Kamsani Mahfuloula berkata, pelantikan itu menunjukkan golongan muda yang berkebolehan dan bersih tidak pernah dilupakan.

"Dr Mohamad Khir adalah seorang yang mempunyai latar belakang agama yang baik, malah menjadi pengerusi Biro Agama Pemuda Umno Pusat dan tentunya dihormati kawan dan lawan," katanya.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata berdasarkan pengalaman Dr Mahathir sekian lama dalam urusan pentadbiran negara, beliau yakin pelantikan itu memenuhi aspirasi dan harapan rakyat.

"Saya yakin Dr Mahathir sudah mengambil kira pelbagai aspek sama ada ke layakan akademik, kewibawaan menjadi pemimpin serta kemampuan menerajui pentadbiran negeri, sebelum memilih calon paling layak," katanya.